





NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

il. 20
il. 25

2hb Disember, 1976

TAMBAHAN No. 20
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 71.

ORDINAN PERBANDARAN

PENYUSUNAN UNDANG-UNDANG-KECIL

BAHAGIAN I PERMULAAN

Undang-undang Kecil:

1. Tajuk.
2. Pemakaian.
3. Taksrif-taksrif.

BAHAGIAN II MENGEMUKA PLAN-PLAN

4. Plan-plan mengenai kerjatanah hendaklah dikemukakan dan disahkan.
5. Tugas-tugas Jurutera.
6. Plan-plan hendaklah dalam tiga salinan.
7. Plan-plan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.
8. Plan-plan boleh dikemukakan secara berasingan.
9. Kanun-kanun amalan yang berkenaan hendaklah dipatuhi.

BAHAGIAN III PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH ASAS

10. Kehendak mengenai cerucuk tebing keluli rapat.
11. Tanah hendaklah disiasat dan mukair bumi hendaklah ditentukan.

BAHAGIAN IV PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH AM

12. Pokok-pokok hendaklah jangan ditebang sehingga tapak itu hendak dikerjakan.

13. Kerjatanah yang melebihi sepuluh kaki.
14. Kerjatanah hendaklah dijalankan secara berperingkat.
15. Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

BAHAGIAN V PELBAGAI

16. Plan-plan, penentuan-penentuan yang lebih lanjut dsb. jika dikehendaki.
17. Bayaran-bayaran.
18. Pemeriksaan plan-plan.
19. Kesalahan-kesalahan.
20. Pengecualian-engecualian.

ORDINAN PERBANDARAN (Ordinan N.N.S. Bab 133)

UNDANG-UNDANG KECIL (KERJATANAH) PULAU PINANG, 1975

N.N.S. Bab
133.

BAHAWASANYA sebagai menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 58 dan 170c (17) Ordinan Perbandaran, Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah meluluskan di Mesyuarat Khas Lembaga yang telah diadakan pada 25hb September 1975, Undang-undang Kecil (Kerjatanah) Pulau Pinang, 1975, (disebut selepas ini sebagai "Undang-undang Kecil");

P.W.P.P.
No. 628/75.

Dan bahawasanya mengikut seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran maka Undang-undang Kecil itu telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang*, sebelum Undang-undang Kecil itu disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

Oleh itu, maka, sekarang ini sebagai menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran, maka Pihak Berkuasa Negeri, dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil itu seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan *Undang-undang Kecil (Kerjatanah) Pulau Pinang, 1975*.

Pemakaian.

2. Undang-undang Kecil ini akan hanya dipakai bagi Pulau Pinang sahaja.

Takrif-takrif.

3. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"Lembaga" bermakna Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan Pulau Pinang;

"Jurutera Lembaga" bermakna Jurutera Lembaga dan Timbalannya dan termasuklah wakilnya;

"kerjatanah" hendaklah mempunyai makna yang sama dengan yang diberikan baginya di dalam Ordinan tersebut;

"Jurutera" bermakna seorang Jurutera Profesional yang berdaftar bawah Akta Pendaftaran Jurutera-jurutera, 1967 dan yang menjalankan tugasnya dengan mendapat perlulusan bertulis daripada Lembaga Jurutera;

... bawah tanah

"kerjatanah kecil" bermakna sebarang kerjatanah yang mana Lembaga, melalui arahan kepada Jurutera Lembaga mengecualikan dari peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini, ataupun, apabila dipakai, mensahkan sebagai kerjatanah kecil.

"Ordinan" bermakna Ordinan Perbandaran Negeri-negeri Selat.

BAHAGIAN II

MENGEMUKA PLAN-PLAN

4. (1) Plan-plan berhubung dengan kerjatanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 170c Ordinan tersebut hendaklah dikemukakan menurut Undang-undang Kecil ini dan hendaklah mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah Undang-undang Kecil ini.

Plan-plan mengenai kerjatanah hendaklah dikemukakan dan disahkan.

(2) Plan-plan yang sedemikian hendaklah dikemukakan dan ditandatangani oleh seorang Jurutera yang berkelayakan dalam bidang kejuruteraan awam dan hendaklah—

(a) mengandungi satu pengesahan daripadanya bahawa penentuan-penentuan dan butir-butir sepertimana yang dinyatakan di dalamnya adalah betul; dan

(b) ditandatangani secara timbal oleh pemilik tanah ataupun ajennya yang diberikuasa secara bertulis dan hendaklah mengandungi alamat-alamat penuh pemilik-pemilik ataupun agen-agen itu menurut sebagaimana yang berkenaan.

(3) Plan-plan dan penentuan-penentuan yang diluluskan oleh Lembaga melalui Jurutera Lembaga bolehlah dikemukakan semula untuk dibetul, diubah ataupun dipinda tetapi dalam kes yang sedemikian, kehendak-kehendak di bawah perenggan (2) hendaklah dipakai secara *mutatis mutandis*.

5. (1) Jurutera yang mengemukakan plan-plan di bawah Undang-undang Kecil 4 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan kerjatanah itu dengan sempurna dan hendaklah terus bertanggungjawab sehingga kerjatanah itu siap, melainkan—

Tugas-tugas Jurutera—

(a) dengan persetujuan Lembaga, seorang Jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; atau

(b) Lembaga bersetuju menerima penarikan dirinya.

(2) Di mana Lembaga bersetuju menerima penarikan diri seseorang Jurutera di bawah perenggan (1) (b), kerjatanah itu hendaklah jangan dimula atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Jurutera yang mengemukakan plan-plan itu hendaklah menyelia dan membuat pemeriksaan-pemeriksaan yang perlu guna menentukan yang kerjatanah itu dijalankan mengikut plan-plan, penentuan-penentuan, arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga melalui Jurutera Lembaga dan amnya mengikut peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang mengemukakan plan-plan itu hendaklah dalam masa seminggu siangnya kerjatanah itu, memberitahu Lembaga secara bertulis akan hal demikian.

(5) Untuk tujuan Undang-undang Kecil ini, istilah "Jurutera yang mengemukakan plan-plan" hendaklah termasuk Jurutera yang mengemukakan semula plan-plan dan mana-mana Jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

6. (1) Segala plan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan, satu salinan hendaklah di atas linen surihan.

Plan-plan hendaklah dalam tiga salinan.

(2) Segala plan hendaklah dilukis dengan warna hitam dan perbezaan bahan yang digunakan hendaklah ditunjukkan dengan berwarna.

Plan-plan dan
butir-butir
hendaklah
dikemukakan.

7. Melainkan dikecualikan oleh Lembaga melalui Jurutera Lembaga, plan-plan penentuan-penentuan dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan—

- (1) satu plan tapak yang dilukis mengikut sekil tidak kurang dari 1 inci bagi 80 kaki yang menunjukkan dengan warna yang jelas tapak kerjatanah, masuklalu jalan, anak-anak sungai utama, aliran-aliran air semula jadi, parit-parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagian darinya;
- (2) plan-plan yang berkontor 5 kaki yang menunjukkan kedua-dua tanah yang sedia ada di mana hendak dijalankan kerjatanah itu dan tanah-tanah yang bersambungan dengan sekil tidak kurang dari 1 inci bagi 40 kaki;
- (3) plan-plan mengikut sekali tidak kurang dari 1 inci bagi 40 kaki yang menunjukkan—
 - (a) aras susunan yang siap termasuk—
 - (i) aras-aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan itu;
 - (ii) aras-aras jalan yang siap;
 - (iii) aras-aras parit dan lintasan-lintasan;
 - (iv) takat-takat kadar alir saliran;
 - (b) penutupan atau pelincungan sebarang anak sungai utama dan aliran-aliran air semula jadi ataupun pembaikan-pembaikan kepadanya;
 - (c) sebarang korekan, pemotongan ataupun penimbunan yang melebihi lapan kaki ukurdalam atau tingginya;
 - (d) perlindungan kepada kerjatanah daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerjatanah itu sedang dijalankan;
 - (e) penyediaan perangkap-perangkap lodak, termasuk penyediaan semasa kerjatanah itu sedang dijalankan;
 - (f) penyediaan saliran yang secukupnya untuk menyalirkan air dari tapak itu pada keseluruhannya mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil Kerja-kerja Jalan Baru (Pembinaan), 1971 mengenai saliran air permukaan.
- (4) gambarajah-gambarajah membujur dan mukakeratan lintang yang tidak kurang dari 1 inci bagi 10 kaki untuk sekil pugak dan tidak kurang dari 1 inci bagi 40 kaki untuk sekil ufuk yang menunjukkan kerjatanah yang hendak dijalankan di tapak itu;
- (5) cara mengorek, merata, menimbus, menanam cerucuk perlindungan atau sebarang proses geoteknik yang lain;
- (6) jadual kerjatanah dan susunan peringkat-peringkat kerjatanah yang akan dijalankan;
- (7) banyaknya tanah yang hendak dikorek atau ditimbus dan tempat di mana tanah yang dikorek itu hendak dilonggokkan atau dari manakah hendak didapati tanah yang akan digunakan untuk kerja menimbus dan disertai dengan perlulusan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengangkut tanah itu;
- (8) langkah-langkah yang diambil untuk melindungi tanah-tanah, bangunan-bangunan, jalan-jalan dan harta-harta lain yang bersambungan;
- (9) plan-plan detail bersekil tidak kurang dari $\frac{1}{4}$ inci bagi 1 kaki dan penentuan-penentuan mengenai sebarang cerucuk tebing rapat atau lain-lain binaan penahan atau penentuan-penentuan mengenai pengukuhan cerun yang dikehendaki mengikut Undang-undang Kecil ini dan

- (10) di mana berkenaan, pengiraan-pengiraan dan segala aras bumi dan kontor yang dimaksudkan di dalam Undang-undang Kecil ini hendaklah dilukis dengan membuat rujukan kepada Datum Ukur Perbandaran Pulau Pinang dalam Bandaraya dan Datum Jabatan Ukur Kerajaan di luar Perenggan Bandaraya.

8. Plan-plan dan penentuan-penentuan yang dikehendaki mengikut Undang-undang Kecil 7 bolehlah, dengan kebenaran Lembaga melalui Jurutera Lembaga, dikemukakan secara berasingan tetapi dalam hal demikian, pengesahan yang dikehendaki mengikut Undang-undang Kecil 4 hendaklah juga disertai bersama-sama tiap-tiap satu set plan dan penentuan yang dikemukakan kemudian kelak:

Plan-plan boleh dikemukakan secara berasingan.

Dengan syarat sebarang kerjatanah hendaklah tidak dimulakan sehingga segala plan dan penentuan yang dikehendaki mengikut Undang-undang Kecil ini diluluskan.

9. (1) Di mana yang boleh dipakai, plan-plan, penentuan-penentuan dan pengiraan-pengiraan yang dikemukakan mengikut Undang-undang Kecil ini hendaklah mematuhi kanun-kanun amalan yang berikut ini:

Kanun-kanun amalan yang berkenaan hendaklah dipatuhi.

(a) Penyiasatan Di tapak—British Standards Code of Practice 2001;

(b) Kerja Tanah—British Standards Code of Practice 2003;

(c) Asas—British Standards Code of Practice 2004;

(d) Kanun Amalan Kejuruteraan Awam No. 2 mengenai Binaan-binaan Menahan Tanah, yang dikeluarkan oleh Institut Jurutera-jurutera Binaan, U.K.;

(e) Asas dan binaan-binaan yang belum siap untuk bangunan-bangunan yang bukan bangunan-bangunan perusahaan yang tingginya tidak lebih dari 4 tingkat—British Standards Code of Practice 101.

(2) Di mana ada dikeluarkan satu Kanun Amalan Piawai Malaysia yang setara setelah berjalan, kuatkuasanya Undang-undang Kecil ini, kanun itu hendaklah menggantikan British Standards Code of Practice mengenai perkara yang sama dan mestilah dipatuhi.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH ASAS

10. (1) (a) Bahagian tepi segala kerja asas yang melebihi 10 kaki ukur dalamnya hendaklah dilindungi oleh cerucuk tebing keluli rapat.

Kehendak mengenai cerucuk tebing keluli rapat.

(b) Dalam lain-lain perkara yang ukur dalamnya tidak melebihi 10 kaki, cara-cara perlindungan yang lain kepada tebing-tebing itu hendaklah dibina.

(2) Kehendak-kehendak mengikut perenggan (1) (a) dan (b) bolehlah dianggarkan, ditukar ataupun dikecualikan oleh Lembaga melalui Jurutera Lembaga apabila ia berpuashati dari penentuan-penentuan, reka-bentuk-rekabentuk dan pengiraan-pengiraan yang dikemukakan bahawa cara perlindungan yang lain adalah sekurang-kurangnya sama berkesan ataupun lebih baik dan akan memberi perlindungan yang secukupnya kepada harta-harta yang bersambungan ataupun kehendak-kehendak tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

Penyiasatan mengenai tanah hendaklah dijalankan dan ukur dalam air bumi dalam mana-mana kerjatanah asas hendaklah ditentukan; Jurutera yang mengemukakan plan-plan mengikut Undang-undang Kecil 4 hendaklah mengemukakan laporan-laporan mengenai penyiasatan itu dan hendaklah mengesahkan bahawa sebarang pengurangan air bumi tidak akan melibatkan sebarang binaan, jalan atau harta di sekitarnya.

Tanah hendaklah disiasat dan makair bumi hendaklah ditentukan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN
KERJATANAH AM

Pokok-pokok
hendaklah
jangan di-
tebang se-
hingga tapak
itu hendak
dikerjakan.

Kerjatanah
yang
melebihi
sepuluh kaki.

Kerjatanah
hendaklah
dijalankan
secara
berperingkat.

Syarat-syarat
boleh
dikenakan
pada
bila-bila
masa sebelum
kerja dapat
diteruskan
ke peringkat
yang
berikutnya.

Plan-plan,
penentuan-
penentuan
yang lebih
lanjut dsb.,
jika
dikehendaki.

12. Di mana terdapat pokok-pokok di atas tapak kerjatanah, pokok-pokok itu hendaklah jangan ditebang sehingga tapak kerjatanah itu sudah sedia untuk dikerjakan.

13. (1) Semua kerjatanah yang melebihi 10 kaki tinggi atau ukur dalam-nya, melainkan dikecualikan oleh Lembaga melalui Jurutera Lembaga, hendaklah dilindungi oleh binaan penahan atau pengukuhan cerun-cerun.

(2) Dalam kerjatanah di mana binaan penahan tetap atau pengukuhan cerun-cerun secara tetap adalah dikecualikan oleh Lembaga melalui Jurutera Lembaga, binaan-binaan penahan sementara atau pengukuhan cerun-cerun secara sementara hendaklah disediakan dalam masa kerjatanah itu dijalankan, melainkan dikecuali oleh Lembaga atau Jurutera Lembaga.

14. Kerjatanah yang akan dijalankan hendaklah dibuat secara berperingkat mengikut susunan yang dikemukakan di bawah Undang-undang Kecil 7 (6) dan kerjatanah hendaklah jangan dimulakan atau disambung ke peringkat yang berikutnya sehingga Jurutera yang mengemukakan plan-plan itu mengesahkan secara bertulis bahawa kerjatanah itu tidak mungkin menyebabkan gangguan atau kerosakan kepada harta-harta di sekitar kawasan itu.

15. Lembaga, melalui Jurutera Lembaga, bolehlah pada bila-bila masa sebelum sebarang kerjatanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya, menghendaki:

- (a) saliran dan pelincungan anak-anak sungai utama dan aliran-aliran air semula jadi, termasuk penyediaan batas-batas dan pembetung-pembetung yang secukupnya;
- (b) perangkap-perangkap lodak disediakan dengan secukupnya dan disenggara dengan sempurna;
- (c) binaan-binaan penahan, di mana yang perlu, disediakan;
- (d) langkah-langkah yang secukupnya diambil untuk menghindar berlakunya hakisan kepada cerun-cerun;
- (e) asas jalan itu diletak dan aras muka jalan sedemikian itu ditutup dengan rapi untuk menghindari lodak dari dibawa ke dalam aliran-aliran air yang sedia ada.
- (f) timbusan-timbusan dibuat dengan kukuh dan kejam.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

16. Lembaga, melalui Jurutera Lembaga, bolehlah, di mana yang dianggap perlu, menghendaki plan-plan, penentuan-penentuan dan butir-butir yang lebih lanjut dikemukakan atau memberi arahan-arahan yang lebih lanjut atau membuat pindaan-pindaan yang lebih lanjut kepada plan-plan itu atau mengenakan syarat-syarat yang lebih lanjut jika dianggap sesuai, dan arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang sedemikian hendaklah dipatuhi.

17. Bayaran-bayaran yang harus dilunaskan oleh orang yang mengemukakan plan-plan untuk dipertimbangkan di bawah Undang-undang Kecil ini adalah seperti berikut:

Bayaran

RM 50.00

- Bagi tiap-tiap 100 ela padu tanah tambahan atau sebahagian darinya yang terlibat. \$10.00.
- (ii) Di mana kerjatanah asas melebihi 20 kaki di bawah aras bumi yang paling tinggi. 1½ kali bayaran yang ditetapkan dalam (i) di atas.
- (iii) Di mana kerjatanah asas melebihi 40 kaki di bawah paras tanah yang paling tinggi. 2 kali bayaran yang ditetapkan dalam (i).
- (iv) Kerjatanah am. \$100.00
sekar atau sebahagian darinya.
- (v) Selain dari bayaran-bayaran yang ditetapkan di atas, bayaran sebanyak \$30 hendaklah dilunaskan bagi tiap-tiap satu lawatan ke tapak itu untuk pemeriksaan yang dibuat oleh Jurutera Lembaga.

18. (1) Apabila dilunaskan bayaran sebanyak \$6, satu plan yang diluluskan bolehlah diperiksa dalam pejabat Lembaga.

Pemeriksaan plan-plan.

(2) Dengan perlulusan orang yang mengemukakan plan-plan itu dan dengan melunaskan bayaran sebanyak \$24 bagi tiap-tiap satu plan, plan-plan itu bolehlah disalin dan dengan melunaskan bayaran tambahan sebanyak \$24, plan-plan itu bolehlah disahkan sebagai salinan yang benar.

9. Sesiapa yang:

Kesalahan-kesalahan.

- (a) mengemukakan plan-plan, penentuan-penentuan, pengiraan-pengiraan atau butir-butir yang tidak betul; atau
- (b) tidak mematuhi mana-mana arahan, pindaan, syarat yang diberi atau dikenakan di bawah Undang-undang Kecil ini; atau
- (c) tidak memberi notis yang dikehendaki di bawah Undang-undang Kecil 5 (4).

dan melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit.

Undang-undang Kecil ini hendaklah tidak dipakai bagi—

Pengecualian-pengecualian.

- (a) kerjatanah yang dijalankan mengikut sebarang undang-undang bertulis berkaitan dengan lombong-lombong;
- (b) kerjatanah yang dijalankan untuk tujuan-tujuan pertanian;
- (c) kerjatanah kecil.

11hb November, 1976.

/PP/16935; R. 50/8/2-1; PU/PP/1126 PL 13.

WONG HIN FATT,
Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang.